

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 28 November 2022



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,**  
**MALAYSIA, OKTOBER 2022**

---

**Indeks Nilai Seunit Import kekal positif, meningkat 0.6 peratus pada Oktober 2022, manakala Indeks Nilai Seunit Eksport menyusut secara marginal 0.05 peratus**

**PUTRAJAYA, 28 NOVEMBER 2022** – Harga eksport Malaysia pada Oktober 2022, merekodkan kejatuhan kecil 0.05 peratus daripada 149.8 mata pada bulan sebelumnya kepada 149.7 mata. Sementara itu, indeks nilai seunit import mencatatkan prestasi positif dengan kenaikan 0.6 peratus kepada 133.2 mata. Berikutan itu, terma perdagangan Malaysia menunjukkan prestasi negatif dengan penurunan 0.6 peratus bulan ke bulan kepada 112.4 mata pada Oktober 2022, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Oktober 2022** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit dan indeks volum mengikut seksyen bagi eksport dan import barangan.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Indeks nilai seunit eksport mengalami kejatuhan 0.05 peratus pada Oktober 2022 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh penurunan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-5.3%), minyak galian (-3.4%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-0.4%). Di samping itu, indeks volum eksport turut merosot 8.7 peratus pada bulan yang sama, disumbangkan oleh kejatuhan indeks pelbagai barang keluaran kilang (-17.8%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-15.9%) dan alat jentera & kelengkapan


pengangkutan (-14.9%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim jatuh 14.5 peratus daripada 179.4 mata kepada 153.4 mata.”

Sebaliknya, indeks nilai seunit import meningkat 0.6 peratus pada Oktober 2022 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kenaikan indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+2.5%), pelbagai barang keluaran kilang (+0.5%) dan makanan (+0.2%). Indeks volum import turut merekodkan peningkatan 0.4 peratus pada bulan yang sama berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak galian (+18.0%), makanan (+4.8%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.6%). Indeks volum import pelarasan bermusim mengalami kejatuhan 3.0 peratus daripada 195.5 mata kepada 189.7 mata.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut melaporkan terma perdagangan Malaysia menunjukkan prestasi negatif pada Oktober 2022, merosot 0.6 peratus bulan ke bulan kepada 112.4 mata.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStats\\_2022](https://bit.ly/PocketStats_2022).



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import Januari 2020 – Oktober 2022**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**28 NOVEMBER 2022**

*Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, November 28<sup>th</sup> 2022*



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,  
MALAYSIA, OCTOBER 2022**

---

***Import Unit Value Index remained positive, increasing by 0.6 per cent in October 2022, while Export Unit Value Index decreased marginally by 0.05 per cent***

***PUTRAJAYA, NOVEMBER 28, 2022*** – Malaysia's export prices in October 2022, slightly dropped by 0.05 per cent from 149.8 points in the preceding month to 149.7 points. Meanwhile, import unit value index showed a positive performance of 0.6 per cent to 133.2 points. Accordingly, Malaysia's terms of trade showed a negative performance of 0.6 per cent month-on-month to 112.4 points in October 2022 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), October 2022**. This publication presents the unit value and volume index by sections for both exports and imports of goods.


According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The export unit value index decreased 0.05 per cent in October 2022 as compared with the previous month, attributed from the declines in the index of animal & vegetables oils & fats (-5.3%), mineral fuels (-3.4%) and miscellaneous manufactured articles (-0.4%). At the same time, export volume index also decreased 8.7 per cent in the same month, contributed by the declines in the index of miscellaneous manufactured articles (-17.8%), animal & vegetable oils & fats (-15.9%) and machinery & transport equipment (-14.9%). The seasonally adjusted export volume index dropped 14.5 per cent from 179.4 points to 153.4 points."

*On the other hand, import unit value index increased 0.6 per cent in October 2022 from a month before, contributed by the rises in the index of machinery & transport equipment (+2.5%), miscellaneous manufactured articles (+0.5%) and food (+0.2%). The import volume index also increased 0.4 per cent in October 2022 as compared to the previous month, contributed by the increases in the index of mineral fuels (+18.0%), food (+4.8%) and machinery & transport equipment (+0.6%). However, the seasonally adjusted import volume index decreased by 3.0 per cent from 195.5 points to 189.7 points.*

*Department of Statistics Malaysia (DOSM) also reported Malaysia's terms of trade showed a negative performance in October 2022, fell by 0.6 per cent month-on-month to 112.4 points.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January 2022 until 31<sup>st</sup> December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStats\\_2022](https://bit.ly/PocketStats_2022).*



**Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices  
January 2020 – October 2022**

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
28 NOVEMBER 2022**